37 coretan dengan lebih
300 cuitan yang mendidik hati

SEKALIPUN BENAR Dia PENDOSA

"Demi Allah, aku malu dengan Allah untuk menyangka bahawa kasih sayang-Nya tidak mampu mengatasi satu dosa."

MUHAMMAD LUQMAN MAKHTAR

Saiz A5

234 halaman

Cetakan 2 warna

Tazkirah

Mencuit rasa

Menjentik hati

3 MATA TIDAK MELIHAT NERAKA

Rasulullah ﷺ bersabda,

ثَلَاثَةٌ لَا تَرَى أَعْيُنُهُمُ النَّارَ: عَيْنٌ حَرَسَتْ فِي سَبِيلِ اللهِ، وَعَيْنٌ بَكَتْ مِنْ خَشْيَةِ اللهِ، وَعَيْنٌ غَضَّتْ عَنْ مَحَارِمِ اللهِ.

Ertinya: *"Ada tiga golongan yang matanya tidak akan melihat neraka:*

1. *Mata yang berjaga malam di medan perang.*
2. *Mata yang menangis kerana takut akan Allah.*
3. *Mata yang ditahan daripada melihat perkara yang diharamkan Allah."*

(Riwayat al-Tabarani)

6 PEREMPUAN PUN KENA JAGA PANDANGAN

Jarang ayat Allah yang memperincikan suatu perintah-Nya untuk lelaki dan wanita diturunkan secara terpisah. Pensyariatan solat, puasa, zakat dan haji pun dengan ayat yang sama. Tetapi tidak begitu untuk arahan menjaga pandangan.

Allah ﷻ berfirman,

﴿ قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا۟ مِنْ أَبْصَٰرِهِمْ وَيَحْفَظُوا۟ فُرُوجَهُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾ ﴾

Ertinya: *"Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang beriman lelaki agar menahan pandangan mereka dan memelihara*

ATAU TAKUT MANUSIA

Suatu ketika Rasulullah ﷺ bersabda,

لَا يَحْقِرْ أَحَدُكُمْ نَفْسَهُ. قَالُوْا: يَا رَسُولَ اللهِ، كَيْفَ يَحْقِرُ أَحَدُنَا نَفْسَهُ؟ قَالَ: يَرَى أَمْرًا لِلهِ عَلَيْهِ فِيهِ مَقَالٌ، ثُمَّ لَا يَقُولُ فِيهِ، فَيَقُولُ اللهُ ﷻ لَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: مَا مَنَعَكَ أَنْ تَقُولَ فِي كَذَا وَكَذَا؟ فَيَقُولُ: خَشْيَةُ النَّاسِ، فَيَقُولُ: فَإِيَّايَ كُنْتَ أَحَقَّ أَنْ تَخْشَى.

Ertinya: *"Janganlah ada antara kamu yang menghina diri sendiri."*

Para sahabat bertanya, "Bagaimana boleh ada orang yang menghina diri sendiri?"

Lalu Nabi menjawab, "Dia mendapati sesuatu yang patut dia katakan sesuatu tentangnya kerana Allah, tetapi dia tidak mengatakannya.

Pada hari kiamat kelak Allah akan bertanya kepadanya, 'Apa yang menghalang kamu daripada berkata pada ketika itu?'

Dia menjawab, 'Takut pada orang.'

Lantas Allah ﷻ menempelak, "Akulah yang sepatutnya engkau lebih takutkan!"

(Riwayat Ibn Majah)

MUSUH SELAMAT, SAUDARA TIDAK

Sufyan bin Husain menceritakan, "Aku menyebut sesuatu yang buruk tentang seseorang di hadapan Iyas bin Muawiyah. Lantas dia merenung ke mukaku.

'Kamu pernah memerangi Rom?'

'Tidak.'

'Sind, Hind dan Turk?'

'Tidak.'

'Bagaimana mungkin Rom, Sind, Hind, Turk boleh selamat daripadamu sedangkan seorang saudara Muslim tidak selamat daripadamu!'

Aku tidak pernah lagi berbuat sedemikian selepas itu. (*Al-Bidayah wa al-Nihayah*)

23 DOAKAN DIA BERHIJRAH

Kadangkala dalam hidup ini ada orang yang kita benci. Tidak suka. Kebanyakan orang yang kita tidak suka bukan orang jahat, fasiq atau ahli maksiat. Cuma ada sesuatu pada dirinya yang "tidak masuk" dengan kita. Atau kita ada pengalaman pahit dengannya. Atau mungkin juga dia benar-benar orang jahat, fasiq atau ahli maksiat.

Lalu yang tidak baik sahaja kita tuturkan tentangnya. Dengar namanya sahaja, membuak rasa benci dan jengkel dalam hati. Dia

19 MUTIARA KATA – BERSANGKA BAIK

Bersangka baik menenangkan jiwa, menjauhkan hati daripada fikiran yang meresahkan. Berikut beberapa bait mutiara nasihat generasi salaf dalam usaha kita mendidik diri bersangka baik kepada orang lain.

"Tidak halal seorang Muslim yang mendengar suatu perkataan daripada saudaranya, lalu dia terus bersangka buruk dengannya sedangkan dia mampu mengandaikan sesuatu maksud yang baik sebagai jalan keluar." – Umar bin al-Khattab

Jika sampai cerita tidak enak tentang saudaramu, maka carilah keuzurannya. Jika tidak ditemui, katakanlah, "Barangkali dia ada keuzuran yang aku tidak tahu."– Ibn Sirin

Jika sampai cerita tidak enak tentang saudaramu yang kamu tidak berkenan, maka carilah satu hingga 70 keuzuran yang mungkin. Jika tidak ditemui, katakanlah, "Barangkali dia ada keuzuran yang aku tidak tahu." – Muhammad bin Jaafar

"Sesiapa yang mahu dilayan baik, maka hendaklah dia bersangka baik dengan orang." – Imam al-Syafi'i

ISI KANDUNGAN